

BUDAYA PENGAMALAN TARANNUM AL-QURAN DI MALAYSIA: TRADISI, TRANSFORMASI DAN KONTEMPORARI

THE CULTURE OF QUR'ANIC TARANNUM PRACTICE IN MALAYSIA: TRADITION, TRANSFORMATION AND CONTEMPORARINESS

Nurul Saadah Mohammad Zaini^{1*}

Anuar Hasin²

Robiatul Adawiyah Mohd³

¹ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Bandar Baru Nilai Negeri Sembilan, (Email: saadahzaini@usim.edu.my)

² Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Bandar Baru Nilai Negeri Sembilan, (Email: anuarhasin@usim.edu.my)

³ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Bandar Baru Nilai Negeri Sembilan, (Email: adawiyah@usim.edu.my)

*Corresponding author: saadahzaini@usim.edu.my

Article history

Received date : 7-10-2025

Revised date : 8-10-2025

Accepted date : 24-11-2025

Published date : 30-12-2025

To cite this document:

Mohammad Zaini, N. S., Hasin, A., & Mohd, R. A. (2025). Budaya pengamalan tarannum Al-Quran di Malaysia: Tradisi, transformasi dan kontemporari. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 577 – 585.

Abstrak: Pengamalan seni tarannum sudah menjadi budaya yang sinonim dengan masyarakat Islam di Malaysia. Namun, masyarakat kurang didedahkan tentang latar belakang budaya pengamalan tarannum yang sudah lama bertapak di Malaysia. Justeru kajian ini bertujuan untuk memberi fokus terhadap budaya pengamalan tarannum di Malaysia dengan meneliti tiga dimensi utama iaitu tradisi, transformasi dan konteks kontemporari yang membentuk kedudukannya dalam masyarakat islam. Hasil kajian menunjukkan terdapat tiga bentuk pengamalan utama yang mencorakkan perkembangan tarannum di Malaysia iaitu pengaruh gaya alunan Misri, penganjuran Majlis Tilawah al-Quran, serta pengaruh anak muda dalam mempromosikan tarannum melalui media sosial. Implikasi daripada bentuk pengamalan memperlihatkan peningkatan minat masyarakat terhadap seni tarannum dan qari-qari muda muncul sebagai ikon yang memberi inspirasi kepada generasi Baharu dari sudut bacaan, akhlak, dan latar belakang Pendidikan mereka. Kajian ini membantu untuk memberi pendedahan kepada masyarakat tentang latar belakang budaya pengamalan tarannum di Malaysia dan menegaskan bahawa budaya ini bukan sahaja menjadi warisan tradisi, tetapi juga mampu berfungsi sebagai medium dakwah yang relevan dalam mendepani cabaran zaman moden.

Kata Kunci: Budaya, Pengamalan, Tarannum

Abstract: *The practice of the art of tarannum has become a cultural tradition synonymous with the Muslim community in Malaysia. However, the public has been less exposed to the historical background of this practice, which has long been established in the country. Therefore, this study aims to focus on the culture of tarannum practice in Malaysia by examining three main dimensions which are tradition, transformation, and contemporary context that shape its position within the Muslim community. The findings show that there are three main forms of practice that influence the development of tarannum in Malaysia: the influence of the Egyptian (Misri) melodic style, the organisation of the National Quran Recitation Assembly (Majlis Tilawah al-Quran), and the role of youth in promoting tarannum through social media. The implications of these practices indicate an increasing public interest in the art of tarannum, with young qari emerging as inspirational icons for the new generation in terms of recitation, character, and educational background. This study contributes by providing the public with greater awareness of the cultural background of tarannum practice in Malaysia and affirms that this tradition is not only a cherished heritage but also a relevant medium of 'dakwah' in addressing the challenges of the modern era.*

Keywords: *Culture, Practice, Tarannum*

Pendahuluan

Seni merujuk kepada manifestasi keindahan dan kehalusan yang lahir daripada jiwa manusia hasil dorongan naluri semula jadi. Kecenderungan manusia untuk menghargai serta menyukai perkara yang indah dan mempesona merupakan suatu sifat fitrah yang dikurniakan Allah SWT kepada hambaNya (Amatillah 'Aqilah, Ainul Fitriyah, Zainatul Fathonah, & Sukhairu, 2024). Hakikat Allah menyukai sesuatu yang indah, termaktub dalam sabda Nabi SAW:

إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah itu cantik, dan suka kepada kecantikan
(Riwayat Muslim: 91).

Tarannum bermaksud seni meningkatkan keindahan suara, memperindah bacaan, dan memperbaiki suara dalam melantunkan bacaan al-Quran (Ibn Manzur, 1994). Pembacaan al-Quran secara bertarannum memainkan beberapa peranan penting seperti, menggerakkan hati yang membaca dan mendengar untuk melaksanakan tuntutan yang digariskan dalam al-Quran, menambahbaik bacaan al-Quran dan menarik minat orang ramai kepada al-Quran (Mohd Ali, 1997). Seni tarannum al-Quran sudah menjadi salah satu warisan budaya Islam yang memperlihatkan keindahan bacaan al-Quran melalui variasi irama tertentu.

Menurut kajian para sejarawan dan pengkaji ilmu tarannum, seni tarannum sudah bermula sejak zaman Rasulullah SAW iaitu sekitar tahun 610 masihi di Gua Hira' seiring dengan penurunan al-Quran. Perkembangan awalnya dapat dilihat ketika Rasulullah SAW mendengar bacaan al-Quran daripada sahabat baginda, Abdullah bin Mas'ud, yang terkenal dengan alunan suara merdu. Baginda amat menyukai bacaan tersebut sehingga menggalakkan umat Islam membaca al-Quran dengan suara yang indah serta diperdengarkan dengan penuh kehalusan (*tazyin* atau tarannum) (Mohamad Alwi, et al., 2022). Sabda Nabi SAW:

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يَقْرَأَ الْقُرْآنَ غَضًّا أَوْ رَطْبًا كَمَا أُنْزِلَ فَلْيَقْرَأْهُ عَلَى قِرَاءَةِ ابْنِ أُمِّ عَبْدِ

Maksudnya: Sesiapa yang ingin membaca al-Quran sebagaimana ia diturunkan,
maka bacalah menurut bacaan Ibn Umm ‘Abd (iaitu Abdullah Ibn Mas’ud)
(Riwayat Ibnu Majah: 138)

Seni tarannum sangat dikenali dalam kalangan masyarakat di Malaysia dan dipelopori oleh pelbagai lapisan masyarakat (Nurainul Mardhiah Rashidi, Katarun Nada Mohd Latiff, Nor Shakirah Hanim Ishak, & Syed Najihuddin Syed Hassan, 2023) Ia sudah menjadi satu budaya seni Islam yang mendapat tempat di hati rakyat Malaysia dan menjadi salah satu medium dakwah yang boleh mendekatkan rakyat Malaysia dengan al-Quran.

Perkembangan ilmu tarannum di Malaysia memperlihatkan bahawa budaya pengamalannya telah terbentuk melalui pewarisan tradisi khususnya daripada generasi pengamal ilmu tarannum terdahulu yang menjadi rujukan utama dalam seni bacaan al-Quran. Pewarisan tersebut bukan sahaja mengekalkan keaslian gaya bacaan, malah turut menjadi asas kepada perkembangan dan pengukuhan identity tarannum dalam masyarakat Muslim di Malaysia. Seiring dengan peredaran zaman, budaya yang diwarisi ini mengalami pelbagai bentuk transformasi yang mendorong kepada usaha membudayakan seni tarannum dalam pelbagai ruang sosial dan institusi keagamaan. Dalam konteks zaman kontemporari, masyarakat memanfaatkan medium teknologi digital sebagai wahana penyebaran dan pengembangan ilmu seni tarannum sekaligus memperluas capaian serta meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap kepelbagaian disiplin seni al-Quran.



Rajah 1: Pengamalan Tarannum di Malaysia

Justeru, kajian ini memberi perhatian kepada budaya pengamalan tarannum di Malaysia dalam meneliti aspek tradisi, transformasi dan dimensi kontemporari yang mencorakkan kedudukan seni tarannum al-Quran dari sudut sosial dan budaya masyarakat Malaysia. Hal ini akan memberikan pengetahuan kepada masyarakat tentang bagaimana budaya pengamalan seni tarannum Malaysia dikembangkan dan mengukuhkan kedudukannya dalam sosial masyarakat seterusnya memberi satu panduan dan kayu ukur kepada masyarakat di seluruh dunia untuk mengembangkan ilmu seni tarannum dalam kalangan umat Islam di seluruh dunia.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif bertujuan untuk menganalisis pola dan tema yang muncul dalam teks berkaitan budaya pengamalan tarannum al-Quran di Malaysia. Pendekatan ini membolehkan penyelidik mengenal pasti sejarah dan perkembangan budaya tarannum di Malaysia secara lebih mendalam berdasarkan sumber-sumber ilmiah dan dokumen berkaitan. Data kajian ini dikumpulkan menggunakan kajian kepustakaan dan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan.

Bentuk Amalan Tarannum Di Malaysia

Pewarisan Tradisi Bacaan Tarannum Aliran Misri dalam Masyarakat Malaysia

Tradisi pengamalan tarannum al-Quran di Malaysia memperlihatkan kesinambungan daripada dua aliran utama yang diwarisi secara mutawattir daripada dunia Arab iaitu aliran Hijazi dan aliran Misri. Aliran Hijazi yang juga dikenali sebagai tarannum Makkawi berasal daripada budaya bacaan masyarakat di sekitar Hijaz, khususnya Mekah dan Madinah. Iramanya seperti Banjakah, Husaini, Mayyah, Rakbi, Jiharkah, Sikah dan Dukkah.

Namun di Malaysia, aliran Misri lebih dominan dalam pengamalan masyarakat di Malaysia khususnya selepas 1940-an dan mempunyai tujuh bentuk irama tarannum iaitu Bayyati, Hijjaz, Nahawand, Rast, Sikah, Jiharkah dan Soba. Aliran ini lebih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat di Malaysia kerana keindahan lenggoknya yang halus. Faktor utama penyebaran aliran Misri ialah sumbangan qari muda Malaysia di zaman itu yang menuntut ilmu di Mekah dan Mesir seperti Haji Ahmad Maksum Pergau, Haji Zabidin Aman dan Haji Mukti. Qari-qari muda ini membawa pulang pengaruh aliran tarannum Misri lalu memperkenalkannya secara meluas di tanah air (Mohd Ali, 1997).

Selain daripada pengamalan tujuh jenis tarannum dalam aliran Misri, pengkaji ilmu tarannum di Malaysia menyimpulkan bahawa terdapat sembilan belas elemen dan disiplin utama yang menjadi teras dalam gaya bacaan aliran ini. Kesemua elemen ini sepatutnya diamalkan oleh para pengamal tarannum Misri bagi mencapai mutu bacaan yang sempurna dan menepati ciri-ciri sebenar gaya Misri; 1) *Ahkam al-Tilawah* (Hukum-hakam Tilawah). 2) *Ilm al-Naghamat wa al-Maqamat* (Ilmu Tarannum dan Maqamat al-Quran). 3) *Fasahah al-Tilawah* (Kefasihan Tilawah). 4) *Hifz al-Quran* (Hafalan al-Quran). 5) *Husn al-Ada'* (Penyampaian Baik). 6) *Husn al-Sawt* (Suara yang Baik). 7) *Itqan Usul al-Qira'ah* (Mahir Asas Qiraat). 8) *Al-Lahjah al-Misriyyah* (Lahjah Bacaan Misri). 9) *Ma'ani al-Quran* (Makna al-Quran). 10) *Madrassah al-Shuyukh* (Aliran Bacaan Guru). 11) *Ma'rifah al-Sawtiyyah* (Mengetahui Ilmu Seni Suara al-Quran). 12) *Ma'rifah al-Waqf wa al-Ibtida'* (Pengetahuan Waqf dan Ibtida'). 13) *Al-Tilawah al-Muhaqqaqah* (Tilawah Berinspirasi). 14) *Al-Jumlah al-Maqamiyyah* (Pengjumlahan Lagu dalam Jumlah Ayat). 15) *Al-Fann al-Rafi'* (Seni yang Tinggi). 16) *Al-Tanawwu' al-adai* (Kepelbagaian Gaya Persembahan). 17) *Al-Tilawah al-Ihsasiyyah* (Pembacaan Penuh Penghayatan). 18) *Dirasah al-Daqiqah* (Pembacaan dengan Teliti). 19) *Qit'ah al-Ayah* (Pemotongan Ayat yang Baik dalam Bacaan) (Wan Hilmi Wan Abdullah & Hamdi Ishak, 2023).

Para pengamal ilmu tarannum di Malaysia perlu mengaplikasikan gaya bacaan Misri secara menyeluruh, bukan sahaja dari sudut penguasaan melodi dan irama tarannum Misri, tetapi juga aspek disiplin ilmu yang mendasari aliran tersebut. Langkah ini penting bagi memastikan metode bacaan al-Quran beraliran Misri dapat dipraktikkan dengan tepat, konsisten dan selari dengan tradisi asalnya serta mengekalkan keaslian dan nilai dakwah yang terkandung dalam seni al-Quran.

Pengamalan tarannum beraliran Misri berperanan membantu para pengamal ilmu tarannum di Malaysia untuk membaca al-Quran dengan lajhah Arab yang lebih tepat, selari dengan bahasa asal al-Quran ketika ia diturunkan.

Transformasi Pengamalan Tarannum Melalui Penganjuran Majlis Tilawah Al Quran

Budaya pengamalan tarannum di Malaysia mula melalui satu proses transformasi apabila Malaysia menjadi negara pertama yang menganjurkan Majlis Tilawah al-Quran. Sejarah penganjuran majlis ini di Malaysia bermula sejak sekian lama, dimulai dengan penganjuran awal yang dikenali sebagai Pertandingan Membaca al-Quran pada tahun 1951, sebelum diperluaskan ke peringkat kebangsaan dengan penjenamaan sebagai Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan kali pertama pada tahun 1960. Seterusnya, pada tahun 1961, ia diperluas lagi ke pentas antarabangsa melalui penganjuran Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa yang menghimpunkan qari dan qariah dari pelbagai negara (Anuar Hasin, Norazman Alias, & Zainora Daud, Signifikan Penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran di Malaysia Terhadap Perkembangan Seni Tarannum Tanahair, 2020).



Rajah 2: Kronologi Perkembangan Majlis Tilawah Al-Quran di Malaysia

Penganjuran rasmi majlis ini diasaskan oleh Perdana Menteri Malaysia pertama iaitu Tunku Abdul Rahman dan kemudian diteruskan oleh Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sebagai badan pelaksana utama. Majlis ini dijuga disambut baik oleh masyarakat dan menjadi pendorong kepada penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran oleh pelbagai pihak seperti kementerian-kementerian, agensi-agensi kerajaan, institusi pendidikan, badan bukan kerajaan, masjid dan komuniti kampung untuk menganjurkan majlis seumpamanya di peringkat masing-masing. Penganjuran ini bukan sahaja bertujuan untuk meraikan minat masyarakat terhadap seni bacaan al-Quran, bahkan juga berfungsi sebagai wadah untuk mencungkil serta mengasah bakat-bakat baharu dalam bidang ini (Anuar Hasin, Norazman Alias, & Zainora Daud, Signifikan Penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran di Malaysia Terhadap Perkembangan Seni Tarannum Tanahair, 2020).



Rajah 3: Majlis Tilawah Al-Quran Sempena Festival Kesenian Islam Anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Kedah


Sumber: Facebook Buletin KEMAS Kedah

Natijahnya, Majlis Tilawah Al-Quran kini telah menjadi sebahagian daripada identiti keagamaan dan kebudayaan masyarakat Malaysia. Ia bukan sekadar satu acara tahunan yang bersifat perayaan semata-mata, bahkan menjadi salah satu agen sosialisasi penting dalam mengukuhkan budaya pengamalan tarannum. Pengaruh majlis ini telah membentuk satu masyarakat umat Islam yang menghargai keindahan seni bacaan al-Quran.

Penglibatan Anak Muda Melalui Media Sosial dalam Dimensi Kontemporari

Menurut Professor Dr Selvakumar Manickam (2025), dalam Utusan Borneo, beliau berkata sehingga 1 Januari 2025, Malaysia telah mencatatkan 25.1 juta pengguna media sosial. Dalam konteks masyarakat masa kini, media sosial seperti Facebook, Instagram, Tiktok dan pelbagai platform lain sering mendapat persepsi negatif kerana dikaitkan dengan pelbagai masalah sosial, khususnya dalam kalangan anak muda dan media sosial yang sebelum ini menjadi medium untuk berinteraksi, berkongsi ilmu dan membina komuniti, kini dilihat semakin lari dari tujuan asalnya (BERNAMA, 2025). Walau bagaimanapun, media sosial juga boleh menjadi satu jalan dalam mengembangkan agama Islam dengan pelbagai cara yang kreatif dan inovatif (Aiman Iqmal, Mohammad Farhan, Muhammad Hilman, & Syed Najihuddin, 2024). Penggunaan media sosial sebagai medium dakwah sangat memberi manfaat yang efektif kerana maklumatnya tanpa sempadan dan tidak terbatas dengan ruang dan waktu (Mohd Mokhtarishah Mohamed Mokhtar & Hasmadi Hassan, 2021). Media sosial berperanan besar sebagai wahana penyebaran ilmu yang bermanfaat termasuk dalam bidang seni tarannum al-Quran jika dimanfaatkan dengan baik. Hal ini menunjukkan bahawa media sosial tidak hanya menjadi ruang hiburan, bahkan mampu menjadi medium dakwah dan Pendidikan yang berkesan jika dimanfaatkan dengan sebaiknya.

Seiring dengan perkembangan teknologi dalam dimensi kontemporari, di Malaysia, kemunculan qari dan qariah muda semakin menyerlah dengan pelbagai latar belakang. Ada dalam kalangan mereka yang dikenali melalui majlis tilawah al-Quran, manakala sebahagian lagi mendapat perhatian melalui rancangan realiti televisyen seperti Akademi Al-Quran dan Akademi Qurra' yang memasukkan elemen pengisian al-Quran sebagai elemen persembahan dalam rancangan-rancangan tersebut (Mohd Shamsul Hakim Abd Samad, Muhammad Arif Musa, & Ahmad Sanusi Azmi, 2023). Antara tokoh qari dan qariah muda yang menonjol termasuklah Ustazah Farhatul Fairuzah, Ustaz Ammar Mukhlis, Ustaz Furqan Fawwaz dan ramai lagi yang dikenali dengan kebolehan mereka menguasai seni tarannum al-Quran dengan baik. Kehadiran mereka di media sosial bukan sahaja menampilkan keindahan seni bacaan al-Quran, malah turut membuka ruang pembelajaran baharu kepada masyarakat umum, khususnya golongan muda yang lebih dekat dengan dunia digital.



Rajah 4: Media Sosial Pempengaruh Anak Muda dalam Seni Tarannum Al-Quran
Sumber: Instagram

Melalui penggunaan media sosial, qari dan qariah muda ini berkongsi cara-cara bacaan al-Quran secara bertarannum dan pengetahuan berkaitan seni bacaan al-Quran. Perkongsian ini mendapat sambutan yang luas, dibuktikan dengan jumlah pengikut (*followers*) yang tinggi, malah ada pengikut yang cuba meniru cara bacaan mereka, sekaligus menjadikan qari dan qariah muda ini sebagai ikon yang mampu memberi pengaruh besar terhadap kecenderungan anak-anak muda untuk mendekati ilmu tarannum. Fenomena ini juga membuktikan bahawa seni bacaan al-Quran tidak terpinggir dalam arus perkembangan teknologi, malah semakin mudah diakses oleh masyarakat melalui medium digital. Pengaruh mereka di media sosial memainkan peranan penting dalam menyampaikan ajaran al-Quran kepada masyarakat terutama generasi muda. Mereka juga bukan sahaja berfungsi sebagai penyampai maklumat, tetapi juga sebagai model teladan yang dapat mempengaruhi perilaku dan pemikiran pengikut mereka (Siti Nuroni Mohamed, Siti Nurwanis Mohamed, & Sabirin Yusoff, 2025).

Kehadiran tokoh qari dan qariah muda di platform media sosial bukan sahaja memberi inspirasi kepada generasi muda, malah turut menjadi bukti bahawa anak muda Malaysia mampu menguasai bacaan al-Quran dengan penuh keindahan dan ketertiban. Secara tidak langsung, ia menggalakkan masyarakat untuk memupuk minat terhadap seni bacaan al-Quran sejak usia awal serta memperkukuh budaya pengamalan tarannum dalam kalangan generasi baharu.

Implikasi Budaya Pengamalan Tarannum Bagi Masyarakat Di Malaysia

Berdasarkan tiga budaya utama dalam pengamalan tarannum di Malaysia, terdapat implikasi positif yang mempengaruhi masyarakat khususnya di Malaysia.

Peningkatan Minat Masyarakat Terhadap Pembelajaran Seni Tarannum

Pengamalan tarannum di Malaysia yang berteraskan aliran gaya Misri serta penganjuran majlis-majlis tilawah al-Quran pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah menjadi pemangkin kepada peningkatan minat masyarakat terhadap seni tarannum.

Sehubungan dengan itu, wujud inisiatif daripada para guru tarannum untuk menubuhkan kelas-kelas pengajian tarannum sama ada secara formal di institusi Pendidikan atau secara tidak formal dalam komuniti. Usaha ini bertujuan memastikan masyarakat dapat mempelajari tarannum dengan kaedah yang betul.

Inspirasi Anak Muda Melalui Platform Digital

Perkembangan teknologi komunikasi turut memperluas jangkauan pengajaran tarannum melalui platform media sosial. Fenomena ini telah memberi impak yang besar, khususnya kepada golongan anak muda yang menjadikan rakaman bacaan tokoh qari muda sebagai sumber inspirasi dan panduan. Bukan sahaja dari sudut Teknik bacaan dan gaya suara, malah aspek akhlak, latar belakang Pendidikan serta kesungguhan mereka dalam menambahbaik bacaan al-Quran turut menjadi contoh ikutan.

Pendedahan yang luas melalui media sosial terhadap bacaan qari muda telah membentuk trend Baharu dalam kalangan generasi muda yang semakin cenderung mempelajari seni tarannum. Keadaan ini seterusnya memberi ruang kepada seni tarannum untuk terus relevan dan berkembang dalam arus globalisasi. Halini secara langsung menyumbang kepada kesinambungan budaya tarannum al-Quran sebagai medium dakwah yang relevan, dinamik, dan mudah diakses oleh pebagai masyarakat.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, budaya pengamalan tarannum di Malaysia memperlihatkan kesinambungan tradisi dan pada masa yang sama mengalami transformasi yang selari dengan konteks kontemporari. Tiga bentuk utama pengamalan tarannum iaitu pengaruh alunan gaya Misri, pengajaran Majlis Tilawah al-Quran serta peranan media sosial dalam kalangan anak muda telah memberi impak yang positif kepada perkembangan seni tarannum di Malaysia. Minat masyarakat terhadap seni tarannum semakin meningkat dan ia membuktikan bahawa seni tarannum al-Quran bukan sahaja mampu dipertahankan sebagai warisan, tetapi juga relevan dalam mendidik jiwa, membina sahsiah, serta memperkukuh kedudukan seni tarannum al-Quran sebagai medium dakwah sepanjang zaman. Justeru, usaha memperkukuh budaya tarannum di Malaysia perlu diteruskan melalui gabungan elemen tradisi, sokongan institusi rasmi, dan pemanfaatan teknologi digital agar seni tarannum terus signifikan dalam budaya masyarakat Islam di Malaysia.

Rujukan

- Aiman Iqmal, Mohammad Farhan, Muhammad Hilman, & Syed Najihuddin. (2024). Media Sosial dan Agama Islam: Penggunaan dan Keberkesanan. *Seminar Kearifan Nusantara* (pp. 412-425). Bandar Baru Nilai: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia.
- Amatillah 'Aqilah, Ainul Fitriyah, Zainatul Fathonah, & Sukhairu. (2024). Konsep Kesenian Islam: Prinsip Kesenian Berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah. *Seminar Kearifan Nusantara Kali ke-5* (pp. 520-529). Nilai, Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Anuar Hasin, Norazman Alias, & Zainora Daud. (2020). Signifikan Penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran di Malaysia Terhadap Perkembangan Seni Tarannum Tanahair. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan* (pp. 548-557). Bandar Seri Putra: Universiti Islam Selangor.
- Anuar Hasin, Norazman Alias, & Zainora Daud. (2020). Signifikan Penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran di Malaysia Terhadap Perkembangan Seni Tarannum Tanahair. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan* (pp. 548-557). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- BERNAMA. (2025, April 25). *Astro Awani*. Retrieved from <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/media-sosial-semakin-meloyakan-518080>
- Ibn Manzur, M.-A.-M. (1994). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Manickam, S. (2025, Jun 27). *Utusan Borneo Online*. Retrieved from https://www.utusanborneo.com.my/2025/06/27/mengimbangi-perindungan-data-dan-privasi-pengguna-internet-di-malaysia?fbclid=IwY2xjawMSC8RleHRuA2FlbQlXMQBicmlkETFIWUppZk1ONjRDSzlGY2NnAR7Si2PAkDeBXqIxlYSuk_KsKZ3s7XUwi69QAzlwdh-atU5evdSKLQjcYBP18A_aem_zqlxO6GX
- Mohamad Alwi, Amar Danish, Muhamad Amir Syukri, Fakhrullah, Akmal Hakimi, & Muhammad Nur Islam. (2022). Kajian Ilmu Tarannum pada Kitab Penulisan Melayu. *The International Journal of Islamic Studies and Culture*, 23-32.
- Mohd Ali, A. (1997). *Seni Lagu Al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Mohd Mokhtarishah Mohamed Mokhtar, & Hasmadi Hassan. (2021). Penggunaan Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Islam dalam Kalangan Penduduk Kampung Beserah Kuantan Pahang. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 41-48. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i1.6667>
- Mohd Shamsul Hakim Abd Samad, Muhammad Arif Musa, & Ahmad Sanusi Azmi. (2023). Quran@114 Tval-Hijrah: Revolusi Pembelajaran dan Pengajaran Quran Abad ke 21. *9th International Conference as Foundation of Civilization (SWAT 2023)* (pp. 729-735). Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nurainul Mardhiah Rashidi, Katarun Nada Mohd Latiff, Nor Shakirah Hanim Ishak, & Syed Najihuddin Syed Hassan. (2023). Sumbangan Dr Anuar bin Hasin dalam Perkembangan Tarannum di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari*, 191-201. DOI: 10.55573/JOIRC.061117
- Sahih Muslim
- Sunan Ibnu Majah
- Siti Nuronni Mohamed, Siti Nurwanis Mohamed, & Sabirin Yusoff. (2025). Peranan Pempengaruh Digital di Tiktok dalam Penyebaran al-Quran dan Hadis: Satu Tinjauan Naratif. *RABBANICA*, 193-209.
- Wan Hilmi Wan Abdullah, & Hamdi Ishak. (2023). Metode Bacaan Al-Quran Al-Mujawwad Qari-Qari Mesir. *Islamiyyat*, 103-113. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-45IK-09>